

PEMBINAAN MODEL PENGAJIAN TAHFIZ DI MALAYSIA

[1] Noor Hisham Md Nawi (PhD)

[2] Nasrun Hakim Salleh

ABSTRACT

Recent development shows that tahfiz schools are getting special attention from the Muslim community in Malaysia. Each school offers a variety of schooling systems and curriculums. 14 tahfiz schools in Peninsular Malaysia were selected to represent the diversity of selected aspects. This study applies four methods; dialectic philosophical approach, analysis of comparative curriculum, survey and deductive-inductive methods. Based on conclusions drawn from each objectives, the researchers constructed 20 guidelines in developing tahfiz institution model by taking into account the local context and needs. Based on those 20 guidelines, the researchers then suggested four models of tahfiz institutions. Developing tahfiz institution is a noble deed and should be supported by all parties. However, efforts to establish tahfiz institutions that are able to achieve the real goal of Islamic education is much more crucial.

Keywords: *institutions of tahfiz, educational system and curriculum, models of tahfiz education, integrated education*

[1] Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah,
Universiti Malaysia Kelantan
Malaysia
hisham@umk.edu.my

PENGENALAN

Perkembangan pengajian tahfiz Al-Quran di Malaysia menggambarkan fenomena yang positif. Senario semasa menunjukkan pengajian tahfiz semakin mendapat kepercayaan dan tempat dalam kalangan masyarakat Islam. Pengajian tahfiz menjadi alternatif kepada ibu bapa yang mahu melahirkan generasi yang beriman dan profesional. Sistem pengajian tahfiz menjadi satu fenomena baharu dalam dunia pendidikan di tanah air (Kamsaton et al., 2005). Secara umum terdapat pelbagai tahap pengajian tahfiz Al-Quran di Malaysia. Kajian ini memfokuskan 4 tahap pengajian tahfiz iaitu, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Institusi Pengajian Tinggi dan Tradisional/Terbuka. Peringkat IPT menawarkan Pengajian Diploma dan Ijazah. Pada awal penubuhan pengajian tahfiz di peringkat IPT, hanya program diploma sahaja yang ditawarkan. Namun, perkembangan proaktif pengajian tahfiz telah mendorong IPT untuk menawarkan pengajian tahfiz sehingga peringkat ijazah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pada masa sekarang, pusat pengajian tahfiz tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Semua institusi tahfiz ini menawarkan sistem pendidikan yang tersendiri dengan kurikulum yang pelbagai (Azmil Hashim, 2010). Keperluan sistem dan kurikulum tersebut boleh dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu tahap pendidikan (Sekolah Rendah, Menengah dan Pengajian Tinggi), pendekatan dan kaedah (tradisional dan moden), aliran dan orientasi (sains, agama, qiraat) dan pentadbiran dan pengurusan kewangan (kerajaan dan swasta). Setiap penubuhan institusi tahfiz tersebut mempunyai matlamat yang berbeza-beza mengikut aliran pemikiran pengasas institusi pengajian tersebut. Ada yang bermatlamatkan untuk melahirkan seorang ulama yang huffaz atau profesional yang huffaz atau gabungan kedua-duanya. Ada juga pihak yang cuba mengumpulkan semua kekuatan kurikulum yang ada dengan cara menghimpunkannya dalam satu pakej kurikulum yang sangat padat. Semua perkembangan ini memberi implikasi yang besar kepada pelajar yang mengikutinya.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepelbagaian model dan pola pengajian tahfiz al-Quran dan seterusnya membina model pengajian tahfiz yang mampu memenuhi keperluan tempatan seperti tuntutan Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Negara. Institusi tahfiz yang berkualiti seharusnya memenuhi beberapa ciri utama iaitu membina potensi pelajar secara seimbang, bersepadu dan menyeluruh, inovatif dan kreatif, mengambil kira tuntutan dan perkembangan semasa serta berpaksikan prinsip tauhid.

METODOLOGI KAJIAN

Untuk mencapai tujuan kajian, penyelidik membina satu rekabentuk kajian yang menggunakan empat kaedah kajian iaitu inkuiri falsafah dialektik, analisa perbandingan kurikulum, tinjauan dan deduktif-induktif. Kaedah pertama, inkuiri falsafah dialektik bertujuan untuk melihat secara kritis tujuan asal penubuhan institusi pengajian tahfiz dan aliran pemikiran yang boleh dikaitkan dengannya. Kaedah kedua, analisis dokumen digunakan untuk meneliti kurikulum pengajian tahfiz dengan membandingkan persamaan dan perbezaan serta kekuatan dan kelemahan setiap kurikulum tersebut. Perbandingan ini diperolehi melalui semakan terhadap struktur kurikulum, keluasan dan kedalaman serta bentuk penilaian yang digunakan.

Kaedah ketiga adalah tinjauan melalui edaran soal selidik terhadap responden yang merangkumi pihak pentadbir, guru dan pelajar. Untuk itu, dua set soal selidik telah dibina dan diedarkan kepada tiga kelompok responden berkenaan untuk mendapatkan maklumat tentang realiti pelaksanaan sistem dan pencapaiannya. Dapatan dari setiap kaedah kemudiannya diproses untuk menghasilkan garis panduan bagi membina model pengajian tahfiz. Pada peringkat ini kaedah keempat yang digunakan adalah teknik deduktif-induktif untuk menghasilkan model pengajian tahfiz yang menepati acuan tempatan. Adalah diharapkan model yang dihasilkan akan dapat membantu banyak pihak bagi menambahbaik sistem pengajian tahfiz di seluruh negara.

DAPATAN KAJIAN

Aliran Pemikiran Dalam Institusi Tahfiz

Analisis kajian menunjukkan bahawa falsafah dan matlamat institusi maahad tahfiz dipengaruhi oleh pihak pengasas dan pemegang taroh institusi berkenaan. Pengasas dipengaruhi latar belakang pendidikan dan corak kehidupannya yang memberi kesan kepada cara dan aliran pemikiran yang dipegangnya. Menurut Abdul Rahman Abdullah (1998) dalam konteks Malaysia, terdapat tiga aliran yang dominan dalam kalangan umat Islam kontemporari iaitu aliran tradisionalisme, modernisme dan reformisme.

Berdasarkan kerangka tiga aliran pemikiran tersebut, tujuh pola aliran pemikiran telah dikenalpasti. Setiap aliran mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Tujuh aliran tersebut adalah aliran Tradisionalisme, Tradisionalisme Reformatif, Tradisionalisme Modernis, Modernisme Reformatif, Reformisme Integratif, Reformisme dan Neo-Tradisionalisme Pragmatik. Setiap aliran pemikiran yang mendasari setiap institusi tahfiz berkait rapat dengan idealisme pengasas atau pihak pengurusan tertinggi. Setiap aliran mempunyai kelebihan dan kelemahannya yang tersendiri. Pengkaji merumuskan bahawa sinergi kekuatan setiap aliran tersebut perlu dimanfaatkan secara bijaksana untuk menghasilkan model institusi maahad tahfiz yang berkualiti tinggi, memenuhi keperluan konteks tempatan, mengambilkira perkembangan ummah secara global serta mempunyai wawasan yang strategik.

Perbandingan Kurikulum Institusi Pendidikan Tahfiz

Institusi tahfiz di Malaysia dalam konteks pembinaan kurikulum boleh dibahagikan kepada beberapa kategori berdasarkan 3 struktur iaitu komponen tahfiz, pengajian agama dan pengajian akademik. Struktur tersebut menentukan bentuk dan corak kurikulum institusi tahfiz. Struktur yang paling ringkas ialah gabungan komponen tahfiz dan pengajian agama asas dan struktur yang paling komprehensif ialah gabungan ketiga-tiganya ialah iaitu hafazan al-Quran, pengajian agama al-Azhar dan pengajian akademik sepenuhnya.

Sebahagian kurikulum institusi tahfiz masih terikat dengan kerangka dualisme pendidikan yang menghasilkan produk pendidikan yang melahirkan golongan agamawan yang terpisah dari konteks realiti kehidupan zaman. Mereka kurang berjaya memberikan penyelesaian kepada permasalahan umat Islam semasa. Keadaan ini mengesahkan pandangan ramai tokoh-tokoh pendidikan semasa tentang bahaya faham dualisme pendidikan dalam negara seperti Rosnani Hashim (2002) dan Sidik Baba (2000). Menyedari kelemahan ini, beberapa inisiatif diambil untuk melahirkan golongan huffaz profesional. Pelajar diminta untuk menguasai hafazan dan pengajian akademik secara serentak. Mereka mengambil pengajian agama dan Bahasa Arab secara minimum sahaja. Kurikulum sedemikian dikesan mempunyai beberapa kelemahan seperti pelajar menghafaz al-Quran tetapi mereka tidak memahaminya kerana tidak diberi pendedahan Bahasa Arab secukupnya. Pelajar juga gagal mengaitkan hafazan al-Quran dengan pengajian akademik.

Untuk mengatasi permasalahan tersebut, akhirnya inisiatif diambil untuk menyepadukan ketiga-tiganya sekaligus – hafazan, akademik dan pengajian agama. Trend ini bermakna pelajar perlu mempelajari pelbagai perkara dalam satu masa dan kedalaman kurikulum setiapnya adalah berbeza. Terdapat institusi tahfiz yang menawarkan 38 mata pelajaran (maksimum) berbanding dengan 17 mata pelajaran (paling minimum). Jurang yang besar ini menunjukkan bahawa terdapatnya usaha untuk menggabungkan kesemua mata pelajaran dari ketiga-tiga komponen sebelumnya sehingga menjadi satu longgokan kurikulum yang sangat padat dan membebakan pelajar. Kurikulum menjadi sangat luas dan mendalam sehingga pelajar tidak mempunyai masa yang cukup untuk menyerapnya. Pelajar perlu belajar sekurang-kurangnya 12 jam sehari bermula dari dini hari sampai malam.

Trend terbaharu menunjukkan institusi tahfiz berusaha menawarkan pendidikan yang menepati konsep kesepaduan yang lebih tepat sebagaimana yang dikemukakan oleh ramai pengkaji kesepaduan seperti Noor Hisham (2015), Rahimah Embong (2012) dan Tajul Ariffin (2007). Mereka menyedari bahawa beban kurikulum yang dipikul oleh pelajar adalah berat. Lantas, mereka mula mengurangkan mata pelajaran yang dianggap kurang penting atau memadatkan beberapa mata pelajaran yang terlalu mendalam. Pengurangan tersebut berlaku

kepada komponen pengajian akademik dengan mengambil mata pelajaran yang berkait dengan peperiksaan utama. Bagi kurikulum pengajian agama, mereka mengambil langkah untuk mencantumkan beberapa mata pelajaran menjadi lebih padat seperti kurikulum dini yang ditawarkan oleh Sekolah Menengah Tahfiz Kelolaan Kerajaan Persekutuan.

Pelaksanaan Kurikulum Institusi Pendidikan Tahfiz

Sebahagian besar institusi tahfiz di Malaysia mempunyai falsafah dan matlamat yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain. Meskipun semua institusi tahfiz berbeza dari sudut operasi dan pendekatan pelaksanaannya, ia masih dapat disatukan kerana semuanya berfungsi untuk merealisasikan tujuan sistem pendidikan Negara. Objektif umum penubuhan institusi tahfiz al-Quran adalah untuk melahirkan huffaz, qurra' dan du'at yang mahir lagi berkecakupan selaras dengan keperluan ummah dan negara. Manakala objektif khas kepada penubuhan institusi tahfiz ini adalah untuk melahirkan huffaz yang mahir dalam pembacaan dan pengajian ilmu al-Quran bagi memelihara kesucian dan kesahihan al-Quran serta bermanfaat kepada pembangunan Negara dan ummah.

Kajian menunjukkan bahawa kurikulum di sebahagian institusi pengajian tahfiz sangat membebankan meliputi aspek hafazan al-Quran, akademik, pengajian agama dan Bahasa Arab. Ramai pelajar tidak mampu mengimbangnya dengan baik. Rentetannya, ramai pelajar tidak dapat menghabiskan hafalan al-Quran mengikut masa yang ditetapkan. Pernyataan ini selaras dengan dapatan kajian Misnan dan Ahmad Sadadi (2003) yang merekodkan ramai pelajar institusi tahfiz di Malaysia tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan pihak institusi.


Sebahagiannya juga tidak sempat untuk menguasai bidang akademik dengan baik lebih-lebih lagi penguasaan bahasa asing seperti Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Dalam konteks ini, terdapat institusi yang lebih mementingkan aspek hafazan al-Quran dari yang lain dan sebahagiannya mementingkan yang lain khususnya akademik hafazan al-Quran. Pelajar juga menghadapi masalah kemahiran berbahasa Arab dan bahasa Inggeris.

Hasil kajian menunjukkan guru di institusi menggunakan kaedah hafazan dan pengajaran yang kurang berkesan. Permasalahan ini berlaku disebabkan oleh guru-guru tahfiz yang diambil tidak mempunyai kelayakan dalam bidang pengajian tahfiz atau bukan seorang yang hafiz. Kerencaman kurikulum ini menyebabkan jenis penilaian dan peperiksaan yang diambil oleh para pelajar juga tidak sama. Keadaan ini menyebabkan sijil kelulusan yang dikeluarkan institusi tidak seragam, malah sesetengahnya tidak diiktiraf oleh pihak tertentu.

Inisiatif kerajaan memperkenalkan Sijil Tahfiz Malaysia (STM) di peringkat kebangsaan adalah suatu usaha yang baik dan terpuji. Kajian ini menunjukkan bahawa tiga aspek yang perlu diberi perhatian utama dalam sistem penilaian tahfiz iaitu penilaian hafalan yang betul dan lancar (ujian syafawi / tahriri), ujian kefahaman makna ayat (ujian syafawi / tahriri) dan ujian pengekal hafazan. Kajian ini mencadangkan agar satu institusi dapat ditubuhkan yang berfungsi menyemak semula hafazan seseorang hafiz dalam tempoh masa tertentu dan mengesahkan statusnya sebagai seorang hafiz yang diiktiraf oleh badan tersebut.

PEMBINAAN MODEL PENGAJIAN TAHFIZ

Berdasarkan kepada rumusan dan kesimpulan yang diperolehi dari setiap objektif yang dibina, pengkaji kemudiannya membentuk 20 garis panduan pembinaan model pengajian tahfiz al-Quran dengan mengambilkira keperluan dan konteks acuan tempatan. Berpandukan 20 garis panduan tersebut, pengkaji akhirnya mencadangkan empat model institusi tahfiz sebagaimana berikut:




MODEL 1 – IDEAL , KHUSUS & EKSKLUSIF

Model 1 (Paling ideal)

1. Fokus pada peringkat paling awal antara umur 5 hingga 12 tahun. Pada peringkat ini, gabungan kekuatan aliran Tradisionalisme Reformatif dan Tradisional Modernis diperlukan. Pelajar diminta untuk menghabiskan sebahagian besar masanya untuk menyelesaikan hafazan al-Quran. Di samping itu, pelajar juga disarankan untuk mempelajari perkara-perkara berikut:
 - a. Ilmu fardhu ain pada untuk peringkat tersebut.
 - b. Ilmu fardhu kifayah yang berfokuskan kepada aspek penguasaan bahasa sebagai ilmu alat iaitu Bahasa Arab, Inggeris dan Melayu.
 - c. Hafazan al-Quran perlu disekalikan dengan kefahaman. Justeru, Bahasa Arab sangat penting.
2. Apabila pelajar tamat hafazan, barulah mereka dibenarkan untuk mengambil pengajian ilmu fardhu kifayah yang lain (akademik) dengan tidak mengabaikan aspek penguasaan Bahasa. Pada peringkat ini, hafazan al-Quran perlu diulangi secara sistematik dan berjadual. Aliran Reformisme Integratif sesuai diaplikasikan.
3. Melalui model ini, pelajar dilatih untuk membuat perkaitan secara langsung antara sumber wahyu khususnya al-Quran dengan bidang ilmu lain secara dalam, analitikal dan kreatif. Guru yang berwibawa diperlukan. Model ini dibina untuk melahirkan insan mithali dan generasi ulul albab.
4. Model ini bersifat khusus dan eksklusif untuk pelajar yang layak sahaja. Model pertama memerlukan keberanian dan anak didik yang benar-benar terpilih. Hanya pelajar yang terpilih mampu melaksanakannya. Setelah selesai hafazan al-Quran, barulah pelajar akan memasuki sistem aliran perdana dengan terus menjaga hafazan sambil mengaitkannya dengan pelbagai mata pelajaran yang diambil. Inilah tradisi yang dilalui oleh para cendekiawan Islam suatu ketika dahulu.

Model 2 (Umum dan inklusif)




- Bina institusi tahfiz yang bersifat komprehensif dengan mengambil kira semua peringkat pendidikan dengan maksud selaraskan sistem hafazan merentasi semua peringkat pendidikan. Cadangan serakan tersebut adalah sebagaimana berikut:

Peringkat pra dan sekolah rendah	: 3 juzuk
Peringkat sekolah menengah	: 10 juzuk
Peringkat peralihan antara menengah dan IPT	: 5 juzuk
Peringkat IPT	: 12 juzuk

 Dengan cara ini, pelajar tidak terlalu dibebani dengan aspek hafazan al-Quran pada peringkat tertentu dan mampu untuk memberi fokus kepada aspek kualiti hafazan dan kefahaman ayat.
- Serentak dengan itu, pelajar juga akan mempelajari perkara-perkara berikut:
 - Ilmu fardhu ain pada untuk peringkat tersebut.
 - Ilmu fardhu kifayah (bidang akademik).
- Melalui model ini, pelajar dapat membuat perkaitan secara langsung antara sumber wahyu khususnya al-Quran dengan bidang ilmu lain yang dipelajari.
- Model ini bersifat umum dan inklusif untuk semua pelajar yang berminat.
- Matlamat model ini adalah untuk melahirkan pelajar yang bertaqwa, berakhlak dan memiliki personaliti yang sepadu dan seimbang.

*Ilmu fardhu ain perlu difahami dengan kerangka baharu yang dinamik.

Model 3 (Eksklusif dan berfokus)



MODEL 3 – EKSKLUSIF & BERFOKUS

- Model ini hampir sama dengan sebelumnya tetapi bersifat khusus dan berfokus. Model ini dibina secara khusus untuk melahirkan kelompok ulama/ Qurra' atau profesional bersepadu yang hafiz.
- Institusi tahfiz ini bersifat komprehensif dengan mengambil kira semua peringkat pendidikan dengan maksud selarakan sistem hafazan merentasi semua peringkat pendidikan. Namun serakan tersebut berbeza mengikut keperluan bidang dan pengkhususan. Cadangan serakan tersebut adalah sebagaimana berikut:
 - Kategori Ulama/ Qurra'/ Imam

Peringkat pra dan sekolah rendah	: 3 juzuk
Peringkat sekolah menengah	: 15 juzuk
Peringkat peralihan antara menengah dan IPT	: 5 juzuk
Peringkat IPT	: 7 juzuk
 - Kategori Profesional

Peringkat pra dan sekolah rendah	: 3 juzuk
Peringkat sekolah menengah	: 12 juzuk
Peringkat peralihan antara menengah dan IPT	: 5 juzuk
Peringkat IPT	: 10 juzuk
- Dengan cara ini, pelajar tidak akan terlalu dibebani dengan aspek hafazan al-Quran pada tahap tertentu. Apa yang penting ialah pelajar akan sentiasa mengamalkan budaya menghafaz al-Quran di semua peringkat pendidikan dengan mementingkan mutu hafazan masing-masing beserta kefahamannya.
- Pelajar juga akan berpeluang membuat perkaitan secara langsung antara sumber wahyu khususnya al-Quran dengan bidang ilmu lain yang dipelajari.


5. Serentak dengan itu, pelajar akan mempelajari perkara-perkara berikut:
 - a. * Ilmu fardhu ain yang bersesuaian dengan peringkat masing-masing.
 - b. ** Ilmu fardhu kifayah sebagaimana yang ditawarkan dalam bidang akademik dan bidang pengkhususan masing-masing.
6. Pelajar kategori pertama (ulama/qurra) digalakkan untuk menghabiskan aspek hafazan secepat mungkin (mengikut keupayaan masing-masing) dan diwajibkan untuk menguasai Bahasa Arab dan sebahagian bidang ilmu aqli kontemporari. Pelajar akan banyak mengulang hafazan secara sistematik dan berjadual di peringkat IPT.
7. Manakala pelajar kategori kedua (profesional) digalakkan untuk menghabiskan aspek hafazan mengikut keupayaan masing-masing secara istiqamah. Antara matlamat utama model ini ialah menghidupkan budaya al-Quran dalam diri pelajar pada setiap peringkat pendidikan.
8. Bidang pengkhususan pelajar adalah berdasarkan kecenderungan, kebolehan dan kemampuan pelajar itu sendiri.
 - * Ilmu fardhu ain perlu difahami dengan kerangka baharu yang dinamik.
 - ** Model ini (gandingan ilmu fardhu ain dan kifayah) menggunakan sistem pendidikan bersepadu yang menjadikan ilmu fardhu ain sebagai teras yang akan memandu bidang ilmu dalam kategori ilmu fardhu kifayah.

Model kedua dan ketiga yang dicadangkan memberi implikasi yang tersendiri iaitu kepentingan untuk membina budaya menghafaz al-Quran dalam kalangan generasi baharu di semua peringkat pengajian bermula dari peringkat sekolah rendah sehingga ke institusi pengajian tinggi. Implikasi budaya ini adalah hafazan al-Quran tidak lagi perlu dihabiskan pada masa tertentu dalam tempoh yang singkat dan khusus seperti tahap sekolah menengah. Apa yang lebih penting ialah pelajar dibudayakan untuk menghafaz al-Quran secara sistematik dan istiqamah di sepanjang tempoh pengajiannya. Dengan cara ini, para pelajar yang berminat untuk menghafaz al-Quran tidak perlu lagi mendaftarkan diri di institusi pengajian tahfiz yang khusus. Institusi biasa juga boleh menawarkan pakej hafazan al-Quran secara sistematik dan terancang bahkan boleh mengaitkannya dengan bidang-bidang lain yang sedang dipelajari pelajar. Al-Quran adalah kitab hidayah dan perlu dijadikan panduan dalam segala aspek kehidupan.

Model 4 (Terbuka dan terancang)

1. Serakan hafazan di peringkat rendah dan menengah sahaja. Cadangan serakan tersebut adalah sebagaimana berikut:

Peringkat sekolah rendah	: 3 - 10 juzuk
Peringkat sekolah menengah	: 20 - 27 juzuk (Tingkatan 1, 2 & 3)
2. Serentak dengan itu, pelajar juga akan mempelajari perkara-perkara berikut:
 - a) Peringkat Rendah – KSSR (UPSR)
 - b) Peringkat Menengah – KBSM dan Kurikulum al-Azhar (yang diolah dan susun semula). (PT3, SMU, SPM, STAM, STPM)
3. Bagi Tingkatan 4 & 5, fokus kepada ulangan hafazan dan pengajian akademik.
4. Matlamat model ini adalah untuk melahirkan pelajar yang bertaqwa, berakhlak dan memiliki personaliti yang sepadu dan seimbang.



MODEL 4 – TERBUKA & TERANCANG

PERBINCANGAN

Sikap masyarakat yang meminati bidang tahfiz adalah sesuatu yang sangat positif dan perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Setiapnya menawarkan pelbagai tujuan pendidikan, pendekatan, kaedah dan bentuk penilaian. Kepelbagaian ini dipengaruhi oleh aliran pemikiran pihak yang menubuh dan menguruskannya. Setiap aliran pemikiran ini berkait rapat dengan idealisme pengasas atau pihak pengurusan tertinggi. Ia juga dipengaruhi pelbagai faktor seperti latar belakang pengajian pengasas institusi, permasalahan dan keperluan masyarakat, kehendak pihak pemegang taroh atau pihak pemerintah, tuntutan perkembangan semasa dan desakan kaum ibubapa. Setiap aliran mempunyai kelebihan dan kelemahannya yang tersendiri. Sinergi kekuatan setiap aliran tersebut perlu dimanfaatkan secara bijaksana untuk menghasilkan model institusi maahad tahfiz yang berkualiti tinggi, memenuhi keperluan konteks tempatan, mengambilkira perkembangan ummah secara global serta mempunyai wawasan yang strategik.

Kajian menunjukkan keghairahan masyarakat untuk melahirkan generasi baharu yang menghimpunkan semua elemen terbaik telah menyebabkan institusi pengajian tahfiz menjadi satu pusat pendidikan yang sangat membebankan. Pelajar diasak dan disumbat dengan pelbagai perkara yang dianggap semuanya penting. Sikap tergesa-gesa dan mahukan kejayaan dalam tempoh masa yang singkat akan merugikan potensi sebenar para pelajar. Sistem pendidikan yang tergopoh gapah mengejar semua perkara dalam satu masa dilihat tidak bijaksana dan tidak akan melahirkan generasi yang menghayati makna ilmu, memupuk sikap mencari kebenaran serta bersikap jujur kepada diri sendiri dan orang lain.

Para pendidik wajar bermuhasabah semula untuk menentukan apa sebenarnya yang perlu dicari oleh pelajar bagi mendepani masa hadapan mereka yang sangat kompleks dan mencabar. Sistem pengajian tahfiz seharusnya menyediakan satu suasana pendidikan yang membolehkan para pelajar dilatih supaya berfikir secara tenang, kritis dan kreatif terhadap sesuatu perkara. Pelajar juga perlu dididik agar menggunakan kedua-dua kekuatan iaitu akal dan hatinya untuk meneliti perkara secara mendalam menurut kerangka pandangan alam Islam.

Kajian ini juga merumuskan bahawa masih banyak ruang pelaksanaan pengajian tahfiz yang boleh diperbaiki dan ditambah baik meliputi aspek falsafah dan kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian dan pentaksiran, pengurusan dan pentadbiran dan kegiatan ko-kurikulum. Sebahagian besar permasalahan memerlukan cara

pandang yang baharu, lebih kreatif dan inovatif serta holistik untuk mendepani cabaran masa hadapan yang sangat kompleks. Di samping itu, mereka yang terlibat dalam dunia pendidikan tahfiz perlu berani membuat keputusan terhadap beberapa persoalan penting sebagaimana berikut:

- a) Apakah pendekatan terbaik dalam konteks tempatan antara menghimpunkan hafazan al-Quran pada fasa tertentu khususnya peringkat pendidikan paling awal (sekolah rendah) atau menyusunnya secara seimbang di pelbagai peringkat supaya pelaksanaannya tidak membebankan pelajar.
- b) Apakah pendekatan terbaik dalam konteks tempatan sama ada mencampuraduk hafazan dengan komponen lain (akademik, kemahiran, bahasa dan lain-lain) yang bersesuaian atau mengkhususkan pada aspek hafazan sahaja.
- c) Apakah pendekatan terbaik dalam konteks tempatan samada untuk menggunakan pendekatan tradisional semata-mata atau pendekatan pembelajaran moden atau menggabungkan antara keduanya.
- d) Apakah pendekatan terbaik dalam konteks tempatan samada untuk melahirkan ulama profesional yang hafiz atau melahirkan profesional bertaqwa yang hafiz kerana kedua-duanya memerlukan pendekatan yang tersendiri.
- e) Apakah pendekatan terbaik dalam konteks tempatan samada melahirkan hafiz dalam tempoh yang singkat supaya fokus boleh diberikan kepada bidang yang lain atau mewujudkan budaya hafazan al-Quran di semua peringkat pengajian secara beransur-ansur dengan tujuan menyepadukannya dengan bidang yang lain.

Keputusan perlu dibuat samada untuk memilih antara dua pilihan tersebut atau mensintesis kekuatan setiapnya bagi membentuk alternatif baharu yang lebih baik meskipun ia tetap mempunyai kelebihan dan kelemahan tertentu. Semua pihak perlu menyedari bahawa setiap pilihan tersebut mempunyai implikasinya yang tersendiri. Jawapan yang terhasil dari persoalan inilah yang akan menentukan bentuk dan sistem pengajian tahfiz yang ingin dibangunkan.

Akhirnya, kajian ini juga merumuskan bahawa mempersiapkan pelajar menjadi hafiz bukanlah kemuncak pencapaian pendidikan. Umat Islam sememangnya memerlukan para huffaz yang berfungsi dalam masyarakat. Fungsi utama kewujudan mereka adalah untuk menjaga kesucian al-Quran dengan menjadi pakar rujuk yang berupaya membimbing masyarakat untuk mempelajari dan menguasai ilmu al-Quran (al-Zarkasyi, 1981). Namun demikian, peranan mereka tidak sepatutnya terbatas dalam parameter tersebut bahkan melangkaui pelbagai bidang samada sebagai ulama atau profesional atau teknokrat atau pemimpin atau pembuat dasar atau tokoh korporat dan lain-lain lagi. Pada masa hadapan, masyarakat Islam mungkin meletakkan syarat yang tinggi dan ketat kepada sektor-sektor tertentu dalam kehidupan umpama pemilihan kepimpinan di peringkat negeri dan negara. Pada masa itu, mereka yang mempunyai kualiti hafiz mempunyai peluang yang lebih besar berbanding dengan yang lain.

RUMUSAN

Membina institusi pengajian tahfiz adalah satu usaha yang murni dan perlu disokong oleh semua pihak. Walau bagaimanapun, usaha untuk menubuhkan institusi pengajian tahfiz yang benar-benar berfungsi dan memenuhi matlamat sebenar pendidikan Islam jauh lebih penting dan utama. Negara kita sememangnya memerlukan sejumlah para huffaz untuk menjadi pakar rujuk dalam bidang al-Quran. Namun, negara kita lebih memerlukan umat Islam yang membudayakan al-Quran dalam kehidupannya dengan cara membaca, menghafaz, mengamal, mengkaji dan menjadikan al-Quran sebagai dasar dan perlembagaan diri dan negara. Masyarakat kini memerlukan para huffaz yang seimbang dan sepadu, berupaya menghubungkan ilmu naqli dan aqli, peka dengan permasalahan ummat dan mampu menawarkan jalan penyelesaian secara Islami. Justeru, para huffaz yang ingin dilahirkan tidak lagi terbatas untuk menjadi imam dan guru agama bahkan mereka seharusnya memasuki sektor-sektor penting negara bahkan menjadi pemimpin negara pada masa akan datang. Memahami keperluan tersebut, cabaran untuk membina sistem pengajian dan kurikulum maahad tahfiz yang sedemikian adalah sangat besar. Umat Islam tiada pilihan lain dan perlu mengusahakannya. Semoga kebaikan akan melimpah dengan rahmat dan belas dari Tuhan Semesta Alam.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim.

Abdul Hafiz bin Haji Abdullah (Ketua Penyelidik). (2003). *Penyelidikan Jangka Pendek: Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, Research Management Centre.

Abdul Rahman Haji Abdullah. (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azmil Hashim (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).

Kamsaton Simon et al. (2005). *Kepentingan Pengajian Tahfiz al-Quran Terhadap Masyarakat Pada Masa Kini*. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS). Skudai, Malaysia: UTM.

Misnan Jemali, & Ahmad Sadadi. (2003). Hubungan Antara Kaedah Menghafaz Al-Quran Dengan Pencapaian Kursus Tahfiz Wa Al-Qiraat Elajar Semester Empat Dan Lima Di Maahad Tahfiz Wal Quraat Di Perak. Kertaskerja Seminar Kaedah Pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan. Kolej Universiti Islam Malaysia.

Muhaidi Hj. Mustaffa (2010), Hafalan al-Quran dan Hubungannya Dengan Kecemerlangan Pelajar: Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Pulau Chondong, Kelantan dari tahun 1997 hingga 2007. (Latihan Ilmiah Sarjana Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Noor Hisham Md Nawi. (2015). *Perjuangan Pendidikan: Dari Kesepaduan Ke Islamisasi*. Kota Bharu: Penerbitan UMK.

Rahimah Embong. Konsep Kurikulum Bersepadu Dan Perlaksanaannya Di Institusi Pendidikan Islam Masa Kini; Tinjauan Semula. http://I-Epistemology.Net/Attachments/1135_Jp-V13n1 (12 Mei 2012).

Rosnani Hashim. (2002). Dualisme Pendidikan Umat Islam Di Malaysia: Sejarah, Perkembangan Dan Cabaran Masa Hadapan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(2): 9-26.

Sidek Baba. (2000). Integrated Knowledge In The Tawhidic Curriculum. *Muslim Education Quarterly* 17(2): 15-29.

Syarifah Norshah Bani Syed Bidin. (2011). Pelaksanaan Manhaj Rasulullah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kelas al-Quran Bagi Golongan Dewasa. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*.

Tajul Ariffin Noordin, & Nor 'Aini Dan. (2007). *Pendidikan bersepadu: Ilustrasi dan penjelasan lengkap*. Tidak diterbitkan.

al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad. (1981). *al-Burhan fil ulum al-Quran*. Al-Qahirah: Dar al-Turath.